



Polisi Pemberi Maklumat Handal

1. Handal berkomited untuk memupuk suatu budaya di mana anda merasa selamat dan digalakkan untuk bersuara mengenai perkara-perkara yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar yang sampai ke perhatian dan pengetahuan anda. Polisi Pemberi Maklumat kami tidak bertolak ansur dengan sebarang tindakan balas dendam atau pemangsaan akibat anda menyuarakannya selaras dengan polisi ini.
2. Polisi ini terpakai kepada semua pekerja dan orang-orang yang berkaitan dengan Handal termasuk kontraktor, tetapi ia tidak terpakai kepada Pelanggan.
3. Segala pendedahan Tingkahlaku yang Boleh Dilaporkan (didefinisikan di Perenggan 5 di bawah) harus dibuat melalui email kepada:

whistleblower@handalenergy.com yang merupakan e-mel peribadi dan sulit yang diuruskan oleh semua pengarah bukan-eksekutif kepada Lembaga Pengarah Handal Energy Berhad.

Secara alternatif, jika atas jua sebab, terdapat kekhawatiran untuk memberitahu anggota bukan-eksekutif di Lembaga Pengarah, pendedahan itu boleh dibuat kepada Pengerusi Kumpulan:

Pengerusi, YAM Tengku Panglima Baderul Zaman Ibni Sultan Mahmud

E-mel: [t bm@handalenergy.com](mailto:tbm@handalenergy.com)

Seperti yang dinyatakan di atas, pendedahan boleh dibuat melalui e-mel atau melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada salah satu daripada kedua-dua pihak di atas di alamat Handal, yang ditutup dalam sampul surat bertanda Peribadi & Sulit. Sekiranya surat berdaftar kepada pengarah bukan-eksekutif di lembaga pengarah, surat itu boleh dialamatkan kepada Dato Mohammad Medan Abdullah, En. Mior Mokhtar Bin Mior Abu Bakar, Cik Jacqueline Fong DAN/ATAU En. Mallek Rizal Bin Mohsin.

Secara alternatif, anda boleh menghubungi Handal untuk membuat janji temu untuk mengadakan panggilan telefon atau membuat temu janji dengan mana-mana individu di atas, dengan memberitahu kakitangan meja depan mengenai tujuan panggilan anda tanpa perlu memberikan nama dan nombor anda. Walau bagaimanapun, dalam sebarang pendedahan bertulis atau panggilan telefon atau perjumpaan dengan mana-mana individu di atas, anda diminta untuk menyatakan identiti dan nombor telefon anda.

Alamat dan Nombor Telefon Handal adalah seperti berikut:

Handal Energy Berhad 816839-X

C-L29-08 KL Trillion

338 Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Tel: +60 19 - 837 1777

[En. Andy Heng Songher, Pegawai Pematuhan]

4. Semua pendedahan atau maklumat akan disiasat secara prima facie dan jika didapati mempunyai dasar yang munasabah, akan disiasat selaras dengan prosedur penyiasatan di bawah.
5. Tingkah laku yang Boleh Dilaporkan merangkumi:
 - i. Ketidakjujuran
 - ii. Kelakuan tidak beretika
 - iii. Penipuan
 - iv. Rasuah
 - v. Penyalahgunaan Undang-undang
 - vi. Tingkah laku jenayah
6. Polisi ini hanya terpakai kepada pekerja-pekerja Handal dan kontraktor Handal atau pihak-pihak dalam rundingan aktif dengan Handal dengan tujuan untuk berkontrak dengan Handal.
7. Tingkah Laku yang Boleh Dilaporkan di atas tidak termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan prestasi kerja pekerja atau sebarang pertikaian buruh. Ini juga tidak termasuk semua perkara peribadi yang tidak berkaitan dengan syarikat.
8. Semua pendedahan yang dilaporkan di bawah Polisi ini akan disiasat secara menyeluruh.
 - 8.1 Setelah penerima atau pesapa di Perenggan 4 di atas menentukan bahawa terdapat kes prima facie untuk pendedahan, Pegawai Pematuhan akan dilantik untuk melakukan dan mengetuai penyiasatan mengenai pendedahan tersebut. Sekiranya Pegawai Pematuhan bukan pihak yang sesuai memandangkan sifat pendedahan itu, pengurus akan melantik seorang pengganti yang sesuai untuk bertindak sebagai penyiasat.
 - 8.2 Keputusan untuk melantik penyiasat dan agar suatu penyiasatan dilakukan tidak dalam apa jua cara pun menyiratkan kebersalahan atau mengaitkan mana-mana pihak dalam mana-mana salah laku sehingga penyiasat telah menyediakan satu laporan mengenai penemuannya tentang salah laku terhadap pihak tersebut.
 - 8.3 Penyiasatan akan dilakukan secara hati-hati dan sulit.
 - 8.4 Objektif penyiasatan adalah untuk menentukan sama ada suatu aduan harus dibuat kepada pihak berkuasa atau tindakan dalaman adalah mencukupi (di mana, misalnya, pelanggaran didapati hanya bersifat tatatertib sahaja) atau di mana disimpulkan bahawa tidak terdapat apa-apa alasan untuk sebarang tindakan diambil.
 - 8.5 Pihak yang terlibat dalam penyiasatan akan diberitahu mengenai penyiasatan itu dan akan diberi peluang untuk memberikan penjelasan atau pernyataan dengan atau tanpa bukti yang menyokong mengikut hal keadaan. Pihak tersebut akan dimaklumkan mengenai hasilnya.
 - 8.6 Kecuali ada alasan yang baik untuk suatu lanjutan masa, siasatan harus diselesaikan dalam masa 14 hari dari pendedahan tersebut.
 - 8.7 Handal memelihara hak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemberi maklumat sekiranya pendedahan tersebut didapati tidak berasas sama sekali dan dicemari dengan niat jahat.
 - 8.8 Segala Pendedahan yang Dilindungi secara bertulis atau didokumentasikan bersama dengan hasil penyiasatan yang berkaitan dengannya hendaklah disimpan dalam fail peribadi Subjek.
9. Syarikat memelihara haknya untuk meminda atau mengubah Polisi ini secara keseluruhan atau sebahagiannya, pada bila-bila masa tanpa memberikan apa jua alasan.

Bertarikh 21-Mei-2020.

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Handal Energy Berhad.